PP

lwn.

STEVEN PANGIRAJA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-8-2009]
4 APRIL 2011

KETERANGAN: *Kawad cam - Perjalanan kawad cam - Sama ada prosedur yang betul dipatuhi - Sama ada teratur - Sama ada pengecaman tertuduh boleh diterima*

KETERANGAN: *Sokongan - Saksi kanak-kanak - Keterangan kanak-kanak yang masih mentah - Sama ada keterangan sokongan diperlukan - Sama ada terdapat keterangan sokongan untuk mengaitkan tertuduh - Sama ada selamat untuk mensabitkan tertuduh jika tiada keterangan sokongan - Akta Keterangan 1950, s. 133A*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Penculikan 1961 - Seksyen 3 - Intipati pertuduhan - Sama ada dibuktikan - Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Penculikan 1961 - Seksyen 3 - Niat bersama - Sama ada dibuktikan - Sama ada terdapat keterangan yang membolehkan mahkamah membuat inferens niat bersama*

SP3 telah diculik oleh tertuduh-tertuduh semasa sedang berjalan kaki ke sekolah bersama dua orang rakannya dan dilarikan dari Johor ke Kuala Lumpur. SP3 mengecam tertuduh pertama sebagai pemandu kereta tersebut sementara tertuduh kedua dan ketiga masing-masing duduk di sebelah kiri dan kanannya di dalam kereta tersebut. SP3 dilepaskan selepas pembayaran wang tebusan oleh bapa SP3 ('SP5') berikutan beberapa rundingan. Seramai 11 orang tertuduh ditangkap dan sembilan daripadanya dipertuduh bagi kesalahan di bawah s. 3 Akta Penculikan 1961. Isu yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah adalah isu identiti pelaku dan isu niat bersama. Satu lagi isu sampingan yang perlu diberi perhatian oleh mahkamah dalam kes ini adalah mengenai keterangan sokongan terhadap keterangan SP3, seorang saksi kanak-kanak setakat yang mengaitkan tertuduh keenam dan ketujuh.

Diputuskan (melepaskan dan membebaskan tertuduh-tertuduh keenam, ketujuh, kelapan dan kesembilan tanpa dipanggil untuk membela diri):

(1) Berdasarkan keterangan yang diberikan oleh SP3, SP5 dan SP10 iaitu saksi-saksi utama pihak pendakwaan, tiga intipati utama pertuduhan di bawah s. 3 Akta Penculikan 1961 telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. (perenggan 28)

(2) Memandangkan umur SP3 semasa kejadian hanyalah 13 tahun dan umurnya, semasa memberi keterangan, adalah 15 tahun, keterangannya memerlukan sokongan seperti yang diperuntukkan di bawah s. 133A Akta Keterangan 1950. Walau bagaimanapun, tidak terdapat keterangan sokongan terhadap keterangan SP3 yang mengaitkan tertuduh keenam dan ketujuh dalam kes ini. Oleh itu, adalah tidak selamat untuk mensabitkan tertuduh keenam dan ketujuh. (perenggan 33, 38, 40)

(3) Prosedur kawad cam yang diadakan untuk tertuduh keenam dan ketujuh adalah cacat, tidak teratur dan tidak adil dan penuh dengan keraguan dan ketidakpatuhan. Oleh itu, pengecaman oleh saksi-saksi SP3 dan SP5 ke atas tertuduh keenam dan ketujuh dalam kes ini tidak boleh diterima. (perenggan 33 & 35)

(4) Pihak pendakwaan telah gagal menunjukkan sebarang bukti tentang wujudnya niat bersama di antara 11 penjenayah untuk melakukan kesalahan tersebut. Tidak ada keterangan yang membolehkan mahkamah membuat satu inferens yang munasabah bahawa tertuduh keenam dan ketujuh bersama-sama pemilik nombor telefon bimbit yang digunakan untuk berhubung dengan SP5, mempunyai niat bersama bagi melakukan kesalahan tersebut. (perenggan 45)

(5) Di atas penilaian maksima keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan, pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh keenam dan ketujuh. Dengan itu, adalah tidak selamat untuk tertuduh keenam, ketujuh, kelapan dan kesembilan dipanggil membela diri memandangkan mahkamah tidak bersedia untuk mensabitkan mereka jika mereka memilih untuk berdiam diri apabila pembelaan mereka dipanggil. (perenggan 46)

Kes-kes yang dirujuk:
Arumugam Muthusamy v. PP [1998] 3 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Asdanusi Daut & Anor v. PP [2004] 3 CLJ 669 CA ***(dirujuk)***
Chao Chong & Ors v. PP [1959] 1 LNS 11 HC ***(dirujuk)***
Jaafar Ali v. PP [1999] 1 CLJ 410 HC ***(dirujuk)***
Loo Chuan Huat v. PP [1971] 1 LNS 68 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Ong Poh Cheng v. PP [1998] 4 CLJ 1 CA ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Mokhtar Hashim & Ors [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ (Rep) 721 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Noor Abdullah [1992] 1 CLJ 702; [1992] 3 CLJ (Rep) 404 HC ***(dirujuk)***
PP v. Pasupathy Kanagasaby [2001] 2 CLJ 753 CA ***(dirujuk)***
PP v. Richard Devadasan Sabariah [2004] 4 CLJ 367 CA ***(dirujuk)***
Prabah Sinnathamby v. PP [2010] 2 CLJ 690 CA ***(dirujuk)***
R v. Turnbull & Ors [1976] 3 All ER 539 ***(dirujuk)***
Sidek Ludan v. PP [1995] 1 LNS 219 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 118, 180(1)
Evidence Act 1950, s. 133A
Kidnapping Act 1961, s. 3
Penal Code, s. 34

Bagi pihak tertuduh keenam - GSP Ravindran; T/n GSP Ravindran & Co
Bagi pihak tertuduh ketujuh - Mohd Haijan Omar; T/n Gobind Singh Deo & Co
Bagi pihak pendakwaan - Muhamad Iskandar Ahmad TPR

Dilaporkan oleh Emm Zehra

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

Pertuduhan

[1] Semua sembilan orang tertuduh telah dihadapkan dengan satu pertuduhan pindaan yang dibacakan seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan

Bahawa kamu bersama-sama seorang lagi yang masih bebas pada 28 April 2008 jam lebih kurang 11.20 pagi di Jalan Dato' Abdul Hamid, Tampoi, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, bagi meneruskan niat bersama kamu semua,

A bagi maksud mendapatkan wang tebusan sebanyak RM500,000.00 telah menahan Shalini a/p Paramasivam (KPT: 950330-01-5686) dengan cara melarikan dan menghalang secara salah Shalini a/p Paramasivam (KPT: 950330-01-5686) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 3 Akta Colek 1961 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama dan dibaca bersama dengan seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Kesemua tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan dan meminta bicara penuh diadakan.

C **Rayuan**

[3] Di akhir penutupan kes pihak pendakwaan, saya mendapati pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh keenam, tertuduh ketujuh, tertuduh kelapan dan tertuduh kesembilan. Saya memerintahkan empat tertuduh tersebut D dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri. Manakala terhadap tertuduh pertama hingga tertuduh kelima, mereka telah diperintahkan untuk membela diri masing-masing setelah saya mendapati wujud satu kes *prima facie* terhadap mereka. E

[4] Pihak pendakwaraya telah tidak berpuas hati terhadap pembebasan tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh di sini dan merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah pembebasan tersebut. Tiada rayuan difailkan oleh pendakwaraya terhadap F perintah pembebasan bagi tertuduh kelapan dan tertuduh kesembilan.

[5] Alasan penghakiman ini adalah terhadap perintah saya yang membebaskan tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh daripada G pertuduhan dengan tanpa dipanggil untuk membela diri mereka.

Kes Pendakwaan

[6] Seramai 19 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi membentangkan kes pihak pendakwaan. Secara H ringkasnya, kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut.

[7] Pada hari kejadian iaitu pada 28 April 2008 sekitar jam 11.20 pagi, mangsa, Shalini a/p Paramasivam (SP3) sedang berjalan kaki di atas Jalan Dato' Abdul Hamid, Tampoi untuk menuju ke sekolah I bersama-sama dengan dua orang rakannya, Eshwary a/p

Balachandran (SP10) dan Sugithra a/p Balachandran. Tiba-tiba sebuah kereta Proton Wira berwarna hitam dinaiki oleh empat orang lelaki telah datang ke arah mereka dari arah yang bertentangan. Kereta Proton Wira hitam tersebut telah berhenti di sebelah mereka dan dua orang lelaki berbangsa India telah turun dari kereta dan menarik SP3 masuk ke dalam kereta Proton Wira hitam tersebut lalu memecut dengan laju.

[8] Di dalam kereta, SP3 telah diletakkan di tempat duduk belakang dengan diapit oleh dua orang lelaki India yang tidak memakai topeng muka. SP3 telah diarahkan untuk berdiam diri dan telah diugut dengan sebilah pisau. Salah seorang daripada mereka telah meminta nombor telefon bapa SP3. Selain itu terdapat dua orang lagi lelaki India yang duduk di bahagian hadapan iaitu seorang yang memandu kereta dan seorang lagi duduk di kerusi hadapan di sebelah pemandu. SP3 menyatakan kereta telah dipandu ke arah Lebuhraya Utara-Selatan dan dipandu dengan laju. Menurut SP3 beliau berada di dalam kereta tersebut untuk selama lebih 3 jam dan sepanjang tempoh tersebut kereta tersebut hanya telah berhenti sekali sahaja untuk menurunkan lelaki yang duduk di kerusi hadapan sebelah pemandu. SP3 telah mengecamkan tertuduh kedua adalah orang yang duduk di sebelah kiri beliau di dalam kereta tersebut dan tertuduh ketiga sebagai orang yang duduk di kanan beliau. SP3 turut mengecamkan tertuduh pertama sebagai pemandu kereta Proton Wira berwarna hitam tersebut. Bagaimanapun SP3 tidak dapat mengecam lelaki India yang keempat yang duduk di hadapan sebelah pemandu.

[9] SP3 kemudiannya telah dibawa ke sebuah pangsapuri di Desa Tun Razak Apartment, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Tiba di bawah pangsapuri tersebut, SP3 melihat dua orang lagi lelaki India datang dengan menaiki sebuah motosikal. SP3 telah di bawa menaiki lif dan pergi ke tingkat 16 Pangsapuri tersebut. Tertuduh pertama, tertuduh kedua, tertuduh ketiga dan dua lelaki India yang datang menaiki motosikal tersebut telah membawa SP3 menaiki lif hingga ke tingkat 16 dan SP3 telah dibawa masuk ke sebuah pangsapuri yang terletak paling hujung di sebelah kiri lif tersebut oleh beberapa orang daripada mereka. SP3 telah ditempatkan di dalam salah sebuah bilik di dalam pangsapuri tersebut dan telah diberi minum air soya di dalam kotak oleh tertuduh kedua. SP3 menyatakan tertuduh kedua telah memberitahu beliau bahawa beliau akan ditahan di situ sehingga

bapa SP3 memberi wang kepada mereka. SP3 telah mengecamkan tertuduh kelima dan tertuduh keenam sebagai orang yang datang kemudiannya menaiki motosikal. SP3 bagaimanapun tidak dapat memastikan siapa penunggang dan siapa yang membonceng motosikal tersebut. SP3 bagaimanapun telah mengecamkan tertuduh kelima adalah orang yang bersama beliau di dalam bilik beliau dikurung dan tertuduh kelima yang telah memberikan pakaian kepada beliau untuk dipakai bagi menggantikan pakaian seragam sekolah yang SP3 pakai pada waktu itu.

[10] Semasa di kurung di dalam bilik tersebut, tertuduh keempat telah masuk ke dalam bilik itu dan telah menyoal berkenaan perniagaan, kenderaan dan hartabenda yang dimiliki oleh bapa SP3. Tertuduh keempat kemudiannya telah menghubungi bapa SP3 iaitu En. Paramasivam a/l Munusamy (SP5) melalui telefon bimbitnya. SP3 telah dibenarkan oleh tertuduh keempat untuk bercakap sekejap dengan bapanya. Sepanjang ditahan dalam bilik itu, SP3 ada dibawa ke ruang tamu untuk diberi makan dan minum oleh tertuduh ketiga dan beberapa orang lain yang menahan beliau. Sepanjang masa SP3 dikurung di dalam bilik itu, pintu bilik ditutup rapat tetapi tidak berkunci. Pada malam itu, SP3 tidak dapat tidur. Tertuduh kedua telah masuk ke dalam bilik di mana SP3 berada dan telah berbual tentang kakak SP3 serta lawatan ke Singapura oleh SP3. Tertuduh kedua turut mengambil anting-anting yang dipakai oleh SP3 pada waktu itu.

[11] Pada keesokan harinya, SP3 langsung tidak diberi makan dan minum. Sekitar jam 5 petang, tertuduh ketujuh telah datang ke bilik di mana SP3 ditahan. Tertuduh ketujuh telah dikatakan berkata kepada SP3 bahawa jika bapa SP3 membayar wang maka SP3 akan dilepaskan pada hari itu.

[12] Pada sekitar jam 8 malam hari yang sama, tertuduh kedua telah datang ke bilik SP3 dan telah membawa SP3 keluar dari pangsapuri tersebut. SP3 telah dibawa menaiki bas dan LRT pergi ke stesen bas di Puduraya. SP3 memakai baju-T berwarna hitam dan berseluar. Bag sekolah (P8A) berisi buku-buku sekolah (P8E), dompet duit (P8D) serta pakaian sekolah (P8B dan P8C) SP3 telah beliau tinggalkan di dalam bilik di pangsapuri tersebut. Barang-barang kes kemudiannya telah dirampas oleh DSP Mohd Ali bin Thamby (SP8) semasa melakukan serbuan ke pangsapuri tersebut. Tiba di Puduraya, tertuduh kedua telah memberikan

wang sebanyak RM100 kepada SP3 dan menyuruh SP3 balik ke Johor Bahru dengan menaiki bas. Tertuduh kedua telah meminta bantuan daripada seorang wanita untuk membantu SP3 membeli tiket bas dan menaiki bas tersebut untuk balik ke Johor Bahru. SP3 telah tiba di Tampoi dan terus berjalan kaki balik ke rumahnya. SP3 sampai di rumah sekitar jam 1 pagi malam tersebut.

[13] Sementara itu, SP5 dalam keterangannya menyatakan bahawa pada 28 April 2008 jam lebih kurang 12 tengahari beliau telah menerima panggilan telefon daripada isteri beliau yang memberitahu anaknya Shalini (SP3) telah diculik. SP5 terus pulang ke rumah dan berjumpa dengan isterinya serta saksi SP10 dan adiknya, Sugithra a/p Balachandran. SP10 dan adiknya telah menceritakan tentang kejadian bagaimana SP3 telah diculik. SP5 kemudiannya telah membawa isteri dan dua orang rakan SP3 ke Balai Polis Tampoi di mana SP10 telah membuat satu laporan polis melalui Tampoi Report No 7011/08 (P58). Lebih kurang jam 3.15 petang, SP5 telah menerima satu panggilan telefon di mana pemanggil memberitahu anak SP3 berada dalam tahanan mereka dan SP5 sempat bercakap dengan SP3 yang hanya menyebut perkataan "Appa" sebelum telefon diambil semula oleh pemanggil. Pemanggil menyatakan akan menghubungi semula SP5 pada sebelah malam hari itu. SP5 telah memberitahu polis mengenai panggilan telefon tersebut. Masa panggilan telefon yang pertama ini pemanggil tidak ada meminta wang tebusan daripada SP5.

[14] Seterusnya SP5 memberi keterangan berkaitan permintaan dan rundingan mengenai jumlah dan pembayaran wang tebusan, penyediaan wang tebusan yang diminta serta penyerahan wang tebusan di kawasan pam minyak Mobil, selepas tol Sg. Besi, Kuala Lumpur. Pada jam 9 malam hari kejadian SP5 telah menerima panggilan telefon daripada pemanggil yang sama yang memberitahu SP5 bahawa boleh bincang tentang wang tebusan. Apabila SP5 bertanya "berapa yang awak hendak?", pemanggil itu menyatakan "setengah juta" dan terus meletakkan telefon. Pada jam 9.30 malam SP5 terima satu lagi panggilan telefon daripada pemanggil yang sama yang meminta SP5 menjelaskan jumlah bayaran yang sama yang mereka minta. SP5 menyatakan beliau tidak ada mempunyai wang sebanyak itu tetapi pemanggil menuduh SP5 berbohong dengan menyatakan SP5 mempunyai kereta dan rumah

tentunya mempunyai banyak wang. Panggilan terakhir daripada penculik pada malam itu diterima oleh SP5 pada jam 10.30 malam. Pemanggil orang yang sama menyatakan SP5 diberikan peluang yang terakhir iaitu membayar wang tebusan sebanyak RM250,000 jika tidak anaknya Shalini akan dipotong dan dihantar ke Thailand. SP5 menyatakan setiap panggilan yang beliau terima pada hari kejadian tersebut iaitu sebanyak empat panggilan telefon dibuat ke nombor telefon bimbit beliau waktu itu No. 012-7268549 dan setiap kali juga pemanggil menggunakan telefon bimbit dengan No. 014-3329774. Setiap kali panggilan SP5 mengecamkan suara pemanggil adalah orang yang sama bercakap dengan beliau pada jam 3.15 petang dimana beliau sempat bercakap dengan anaknya Shalini. Setiap panggilan yang diterima oleh SP5 telah beliau maklumkan kepada pihak polis melalui ASP Subramaniam a/l Munusamy yang bertindak sebagai pegawai liason. SP5 menyatakan beliau tidak bersetuju untuk membayar wang tebusan sebanyak RM250,000 yang diminta oleh pemanggil tersebut.

[15] Pada jam 10 pagi keesokan harinya iaitu pada 29 April 2008, SP5 telah menerima satu lagi panggilan telefon daripada pemanggil yang sama. Pemanggil bertanya mengenai wang tebusan yang diminta dan SP5 memberitahu masih mencari dan mengumpul wang yang diminta. SP5 turut meminta agar wang tebusan yang mereka minta dikurangkan. Pemanggil telah bersetuju untuk mengurangkan jumlah wang yang diminta kepada RM100,000. SP5 telah berusaha dan berjaya mengumpulkan wang sebanyak RM60,000 sahaja dan kawan beliau dari Singapura bersetuju untuk meminjamkan RM20,000. Pemanggil yang sama telah menelefon semula SP5 pada jam 12 tengahari. Setelah SP5 memberitahu bahawa beliau hanya ada RM60,000 dan sedang menunggu RM20,000 lagi daripada kawannya di Singapura, pemanggil terus meletakkan telefon. Pada jam 1 petang SP5 menerima satu lagi panggilan daripada pemanggil yang sama yang bertanya adakah wang telah berjaya dikumpul. SP5 memberitahu masih menunggu wang RM20,000 daripada kawannya di Singapura dan pemanggil suruh cepat mengumpulkan wang tebusan yang diminta sebelum jam 3 petang hari tersebut.

[16] Pada jam 2 petang SP5 telah menerima wang RM20,000 daripada kawan beliau dari Singapura. Pada masa yang sama SP5 turut menerima satu lagi panggilan telefon daripada pemanggil yang sama bertanyakan tentang wang tebusan yang diminta. Pada jam

2.15 petang pemanggil yang sama telah menelefon SP5 semula bertanyakan wang tebusan yang diminta. SP5 memberitahu pemanggil tersebut bahawa beliau telah berjaya mengumpulkan wang sebanyak RM80,000. Pemanggil terus mengarahkan membawa wang tersebut menuju ke Lebuhraya Utara-Selatan. Apabila ditanya mengenai SP3, pemanggil memberitahu SP5 anaknya berada di Johor Bahru. Sebelum membawa wang tersebut ke dalam van untuk pergi seperti diarahkan oleh penculik tersebut, SP5 bersama anaknya bernama Durga a/p Paramasivam telah mencatitkan nombor siri wang kertas tersebut (P47 A-K).

[17] Selepas SP5 melepasi tol Skudai, beliau telah menerima satu lagi panggilan daripada pemanggil yang sama. Pemanggil telah berpesan supaya tidak membawa sesiapa bersama dan pemanggil bertanya mengapa SP5 memandu sebuah van dan pemanggil juga menyatakan dia melihat SP5 telah melepasi tol Skudai dan menyuruh SP5 meneruskan perjalanan ke arah Kuala Lumpur. Tiba di kawasan Pagoh, SP5 telah menerima satu lagi panggilan telefon daripada pemanggil yang sama. Pemanggil menyuruh SP5 terus memandu ke tol Sg. Besi. SP5 bertanya di mana anak beliau dan diberitahu anak beliau berada di Johor Bahru dan anaknya akan dilepaskan setelah SP5 menyerahkan wang kepada mereka. Setelah SP5 sampai di tol Sg. Besi, beliau menerima satu lagi panggilan telefon dari pemanggil yang sama yang meminta beliau pergi ke Stesen Minyak Mobil yang berada di sebelah kiri sebaik selepas membayar tol dan berhenti di situ untuk arahan selanjutnya.

[18] Sebaik sahaja SP5 memberhentikan van, beliau terus menerima satu lagi panggilan telefon daripada pemanggil yang sama. Pemanggil tersebut menyuruh SP5 meletakkan van di tempat parkir dan keluar membawa wang dan berdiri di sebelah vannya. Pemanggil kemudian menyuruh SP5 melalui lorong di tepi pagar zink Stesen Minyak Mobil tersebut. Setelah melalui lorong tersebut, SP5 melihat dua orang lelaki India sedang berdiri di hadapan. Dua lelaki tersebut lalu menganggukkan kepala mereka ke arah SP5. SP5 terus menghampiri dua lelaki tersebut dan mereka bertanyakan wang yang diminta. SP5 terus menyerahkan bag berwarna hitam (P52) yang berisi wang RM80,000 kepada mereka dan SP5 turut bersalam dengan seorang lelaki India yang menerima wang tersebut. Lelaki itu turut menyatakan bahawa anak SP5 akan dilepaskan dan kelak akan pulang ke rumah. SP5 mengecamkan

dua lelaki India tersebut sebagai tertuduh keempat sebagai orang yang bercakap dengan beliau, orang yang bersalam dengan beliau dan orang yang menerima bag hitam berisi wang RM80,000 tersebut dan tertuduh kelima yang turut berada bersama tertuduh keempat di sana. Selepas menyerahkan wang tersebut, SP5 bergerak balik ke Johor Bahru. SP5 cuba menghubungi pemanggil ke telefon No. 014-3329774 namun gagal.

[19] Berdasarkan kepada keterangan SP3 dan SP5, mahkamah ini mendapati bahawa semua sepuluh panggilan yang diterima oleh SP5 yang menuntut bayaran wang tebusan bagi membebaskan SP3 telah dibuat oleh tertuduh keempat. SP3 menyatakan tertuduh keempat adalah orang yang bertanya beliau tentang harta milik bapanya dan tertuduh keempat terus kemudiannya menghubungi SP5 melalui telefon. Keterangan SP5 pula menyatakan bahawa suara pemanggil yang sama yang telah bercakap dengan beliau dalam sepuluh panggilan telefon yang beliau terima dari nombor telefon 014-3329774 tersebut. Seterusnya SP5 telah menyerahkan wang tebusan kepada tertuduh keempat dekat Stesen Minyak Mobil di Sg. Besi pada jam 7 malam 29 April 2008. Saksi SP10 yang membuat serbuan pada 30 April 2008 jam 2.15 pagi ke pangsapuri No. 4-16-8, Desa Tun Razak Apartment, Bandar Tun Razak iaitu pangsapuri di mana SP3 telah dikurung telah merampas antara lainnya satu telefon bimbit jenama Nokia 1100 (P13B) dengan satu SIM Card dengan No. 014-3329774 (P13C) dalam sebuah kotak (P13A) dari atas sebuah meja dalam salah satu bilik dalam pangsapuri tersebut. Siasatan oleh pihak polis yang dilakukan oleh ASP Tan Seng Lee (SP19) menunjukkan pangsapuri tersebut dimiliki dan didaftarkan atas nama tertuduh keempat. Siasatan juga menunjukkan nombor telefon bimbit 014-3329774 tersebut telah didaftarkan atas nama seorang warganegara India bernama Panjavarnam Ram Kumar. Siasatan lanjut dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia mengesahkan penama Panjavarnam Ram Kumar telah keluar dari Malaysia melalui KLIA pada 4 September 2007 dan tiada pergerakan masuk semula ke Malaysia selepas tarikh tersebut. Daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan menunjukkan telefon Nokia 1100 dengan SIM Card No. 014-3329774 telah digunakan oleh tertuduh keempat dalam semua hubungan dan urusan beliau meminta wang tebusan daripada SP5 untuk membebaskan SP3.

[20] Pada 29 April 2008 jam lebih kurang 3 petang, bertindak atas maklumat bersabit Laporan Polis Tampoi No. 7011/08 (P58), satu pasukan polis diketuai oleh ASP Ignitius a/l Francis (SP9) telah membuat pengekoran terhadap suspek-suspek yang telah mencolek SP3 dan dilarikan ke Kuala Lumpur. Pada 30 April 2008 jam 1.45 pagi pengekoran tersebut berakhir di luar Restoran Rocky, Jalan Telawi 3, Bangsar, Kuala Lumpur. SP9 bersama pasukannya telah membuat pemerhatian dan serbuan terhadap sekumpulan 11 orang lelaki yang baru keluar berhibur di sebuah pub di hadapan Restoran Rocky tersebut. SP9 dan anggota pasukan serbuan beliau telah berjaya menangkap 11 orang lelaki dan merampas barang-barang kes termasuk sebuah kereta Proton Wira warna putih No. WGL 2077 dan sebuah lagi Proton Wira warna hitam No. WMG 2960. Sebelas orang tangkapan tersebut dan barang-barang kes telah dibawa balik ke Balai Polis Pantai. Sebelas tangkapan tersebut adalah tertuduh pertama, tertuduh kedua, tertuduh ketiga, tertuduh keempat, tertuduh kelima, tertuduh keenam, tertuduh ketujuh, tertuduh kelapan, Muhammad Firoz bin Abdul Bari, Saravanan a/l Govindasamy dan Puvaneswaran a/l Maniam.

[21] Saksi SP9 telah menjalankan pemeriksaan ke atas badan 11 tangkapan tersebut dan telah menjumpai serta merampas barang-barang kes seperti berikut:

(a) Daripada tertuduh keempat, satu rangkai anak kunci (P12C) bagi kereta Proton Wira putih WGL 2077; dalam bonet belakang tempat simpan tayar spare dijumpai wang tunai berjumlah RM55,000 (P51); dalam kereta ditemui satu topi hitam jenama Boss; satu slipper warna hitam; satu kad Touch n Go No. 1923501612; satu bag galas warna perang jenama Ripchuri di dalamnya terdapat wang tunai berjumlah RM7,673, satu kunci pangsapuri No. 8, Blok 4, Tingkat 16, Desa Tun Razak Apartment, satu bag duit hitam jenama Andrea Micheal, satu telefon bimbit jenama Nokia N70 No. 017-3555549, satu telefon bimbit jenama Nokia Orange No. 016-2133791;

(b) Daripada tertuduh ketiga, satu bag duit jenama Levis mengandungi wang tunai RM34;

(c) Daripada tertuduh pertama, satu telefon bimbit Nokia 2600 No. 016-7096097;

A (d) Daripada tertuduh kelapan, satu dompet duit hitam jenama Greenwich Polo Club berisi wang tunai RM1,984, satu telefon bimbit jenama Nokia 3310 No. 016-6244643;

(e) Daripada Muhammad Firos bin Abdul Bari, satu telefon bimbit
B jenama Black Eyes No. 012-9150157;

(f) Daripada Saravanan a/l Govindasamy, satu telefon bimbit jenama Sony Ericcson No. 017-3607384;

(g) Daripada tertuduh keenam, satu bag duit jenama NY warna
C biru berisi wang tunai RM271, satu telefon bimbit jenama Nokia 1110 No. 012-6728334;

(h) Daripada tertuduh kelima, satu dompet duit jenama Romess berisi wang tunai RM217, satu kunci motosikal Yamaha 125,
D satu telefon bimbit jenama Samsung No. 012-3104710, satu telefon bimbit jenama Sony Ericcson No. 016-2442700;

(i) Daripada Puvaneswaran a/l Maniam, satu dompet duit jenama Timberland berisi wang RM60, satu telefon bimbit jenama Sony Ericcson model JP 001 No. 016-3139947;
E

(j) Daripada tertuduh kedua, sepasang anting-anting warna kuning milik SP3;

(k) Daripada tertuduh ketujuh, sebuah kereta Proton Wira warna
F hitam No. WMG 2960, dua helmet warna hitam, satu seliper Asadi, satu cermin mata Rayben, satu rangkai anak kunci kereta.

[22] Sebagai melengkapkan kes pendakwaan, tertuduh kesembilan
G telah ditangkap oleh ASP Subramaniam a/l Munusamy pada 13 Mei 2008 di Johor Bahru. Tiada sebarang keterangan dikemukakan mengenai penangkapan tertuduh kesembilan dan tiada keterangan dikemukakan apakah kaitan tertuduh kesembilan dalam kes ini dan apakah peranan yang dimainkan oleh tertuduh
H kesembilan. Saksi ASP Subramaniam a/l Munusamy tidak dipanggil untuk memberikan keterangan berkaitan penangkapan dan kaitan tertuduh kesembilan dalam kes ini.

[23] Saksi Muhammad Harith Lee An Chui (SP16) yang bertugas
I sebagai Pengurus sewaan dari syarikat penyewaan kereta Mesrona Travel Sdn Bhd berpangkalan di Brickfields, Kuala Lumpur dalam

keterangannya menyatakan bahawa pada 24 April 2008 lebih kurang jam 3 petang telah didatangi oleh dua lelaki India bertujuan untuk menyewa sebuah kereta Proton Wira No. WMG 2960 dengan bayaran RM120 untuk satu hari sahaja. Saksi telah mengemukakan borang penyewaan kenderaan tersebut sebagai P65. Dua lelaki India tersebut bernama Kesavan a/l Maniam (tertuduh keenam) sebagai penjamin dengan mencagarkan sebuah motosikal No. BFN 8166 dan Mathankumar a/l Haridass (tertuduh ketujuh) sebagai penyewa. Saksi juga menyatakan bahawa kereta Proton Saga tersebut tidak dikembalikan ke syarikat beliau oleh dua tertuduh dan beliau mendapat tahu kereta tersebut berada dalam tahanan pihak polis sehingga pihak polis memulangkan kereta tersebut kepada syarikat beliau.

[24] Demikian adalah secara ringkas kes pihak pendakwaan. Selain itu beberapa kawad cam telah diadakan di mana SP3, SP5, SP10 dan Sugithra a/p Balachandran telah dipanggil sebagai saksi dalam kawad cam tersebut. Dalam kawad cam yang dihadiri oleh SP3, saksi telah dapat mengecam tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh turut terlibat dalam penculikan dan penahanan beliau. Namun isu pengecaman telah dicabar oleh peguambela dua tertuduh. Tiga lagi saksi langsung tidak dapat mengecamkan dua tertuduh tersebut.

Beban Pembuktian Diakhir Kes Pendakwaan

[25] Beban pembuktian atas pihak pendakwaan pada peringkat ini adalah untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh atas pertuduhan yang dihadapkan kepada beliau seperti diperuntukkan di bawah s. 180(1) Kanun Prosedur Jenayah (KPJ). Dalam menentukan sama ada satu kes *prima facie* telah dibuktikan, seorang hakim bicara perlu meneliti serta menilai semua keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan secara penilaian yang maksima sambil bertanya soalan sama ada hakim bicara itu bersedia untuk mensabitkan seseorang tertuduh atas pertuduhan yang dihadapkan jika pembelaan dipanggil dan tertuduh itu memilih untuk berdiam diri. Jika hakim bicara tidak bersedia untuk mensabitkan seseorang tertuduh dalam keadaan tersebut, maka tiada kes *prima facie* telah dibuktikan. Dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 Gopal Sri Ram JCA (ketika itu) memutuskan:

A It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to a maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no *prima facie* case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal. (lihat juga kes *PP v. Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457; *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 dan *PP v. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215).

[26] Seksyen 180(4) KPJ yang berkuatkuasa mulai 7 September 2007 melalui pindaan oleh Akta A 1274 memperuntukkan mengenai penentuan kes *prima facie* seperti berikut:

D (4) For the purpose of this section, a *prima facie* case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

E **[27]** Untuk mendapatkan sabitan bagi kesalahan mencolek dengan niat untuk mendapatkan wang tebusan di bawah s. 3 Akta Penculikan 1961 sebagaimana pertuduhan terhadap kedua-dua tertuduh dalam kes ini, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan elemen-elemen berikut:

F (a) bahawa seseorang mangsa telah di culik;

(b) bahawa mangsa telah dihalang secara salah dengan niat bagi maksud mendapatkan wang tebusan;

G (c) bahawa terdapat permintaan untuk wang tebusan;

(d) bahawa tertuduh-tertuduh adalah orang yang telah melakukan perbuatan-perbuatan tersebut di atas; dan

(e) bahawa tertuduh-tertuduh telah melakukan perbuatan-
H perbuatan tersebut di atas bersama-sama seorang lagi yang masih bebas dalam melaksanakan niat bersama mereka di bawah s. 34 Kanun Keseksaan.

I

Dapatan Mahkamah Diakhir Kes Pendakwaan

[28] Setelah meneliti keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi utama pihak pendakwaan iaitu SP3, SP5 dan SP10 saya berpuashati bahawa tiga intipati utama pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Mengenai intipati pertama, terdapati bukti keterangan yang kukuh bahawa pada 28 April2008 seorang budak sekolah, Shalini a/p Paramasivam (SP3) telah ditangkap, dimasukkan kedalam sebuah kereta berwarna hitam dan dilarikan oleh empat orang lelaki India. Keterangan SP3 disokong oleh SP10 yang turut berada bersama di tempat kejadian yang menjadi saksi mata kepada kejadian penculikan terhadap SP3 tersebut. Melalui keterangan SP3 juga intipati kedua telah dibuktikan iaitu SP3 telah ditahan dan dihalang secara salah dalam sebuah pangsapuri di Desa Tun Razak Apartment di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk mendapatkan wang tebusan. SP3 mendengar ada antara mereka yang menahan beliau berkata bahawa SP3 akan dibebaskan sekiranya bapa SP3 membayar kepada mereka sejumlah wang. Walaupun pintu bilik tempat SP3 dikurung tidak berkunci dan pintu bilik hanya dirapatkan, namun beberapa orang sentiasa mengawal SP3 dari luar bilik itu dan SP3 tidak dibenarkan keluar daripada unit pangsapuri tersebut.

[29] Mengenai intipati ketiga, iaitu permintaan wang tebusan, saya berpuas hati bahawa terdapat cukup keterangan yang kukuh dan boleh dipercayai dikemukakan bagi membuktikan terdapat permintaan wang tebusan daripada penculik kepada SP5 untuk membebaskan SP3. Keterangan SP3 mendengar perbualan telefon antara tertuduh keempat dengan bapanya (SP5) yang meminta wang tebusan untuk membebaskan SP3. SP3 juga ada mendengar tertuduh kedua dan tertuduh ketujuh berkata bahawa SP3 akan terus ditahan di pangsapuri itu sehingga bapa SP3 membayar wang tebusan. Keterangan daripada SP5 pula dengan jelas menyatakan bahawa beliau telah menerima sebanyak sepuluh panggilan telefon daripada pemanggil yang sama yang kemudiannya dicamkan sebagai tertuduh keempat melalui nombor telefon yang sama berkaitan permintaan wang tebusan bagi membebaskan SP3. Walaupun pembayaran wang tidak menjadi satu intipati kepada pertuduhan, namun SP5 memberi keterangan bahawa beliau telah menyerahkan wang tebusan sebanyak RM80,000 kepada tertuduh keempat dan tertuduh kelima berhampiran Stesen Minyak Mobil di Sg. Besi. Sebahagian daripada wang tebusan tersebut yang bertanda telah

ditemui di dalam bonet belakang kereta kepunyaan tertuduh keempat manakala sebahagian wang tebusan lagi ditemui di dalam unit pangsapuri tempat SP3 ditahan. Pangsapuri tersebut adalah kepunyaan tertuduh keempat. Melalui keterangan saksi SP8 yang membuat serbuan ke unit pangsapuri milik tertuduh keempat tersebut, beliau antara lainnya telah menemui satu telefon bimbit Nokia model 1100 serta SIM Card bagi No. 014-3329774 di dalam salah sebuah bilik dalam unit pangsapuri tersebut. Telefon bimbit ini dengan nombor telefon 014-3329774 tersebut telah digunakan oleh tertuduh keempat dalam memanggil telefon bimbit SP5 untuk meminta wang tebusan. Nampaknya, keterangan yang ada menjurus kepada tertuduh keempat sebagai perancang utama dalam jenayah penculikan ini berdasarkan kepada fakta bahawa unit pangsapuri milik tertuduh keempat telah digunakan untuk menahan mangsa, wang tebusan ditemui dalam kereta dan unit pangsapuri milik tertuduh keempat, tertuduh keempat seorang yang memanggil SP5 untuk mendapatkan wang tebusan, telefon bimbit dan sim card bagi No. 014-3329774 yang digunakan oleh tertuduh keempat untuk memanggil SP5 bagi meminta wang tebusan turut ditemui dalam unit pangsapuri milik tertuduh keempat, tertuduh keempat yang menyoal SP3 mengenai hartabenda milik bapanya dan tertuduh keempat yang mengambil bag hitam berisi wang tebusan daripada SP5 dekat stesen minyak Mobil serta memberitahu SP5 anak beliau SP3 akan dibebaskan kemudian.

[30] Hanya dua intipati pertuduhan iaitu isu identiti pelaku dan isu niat bersama yang menjadi pertikaian seterusnya. Satu isu sampingan yang perlu diberi perhatian oleh mahkamah dalam kes ini adalah mengenai keterangan sokongan terhadap keterangan SP3, seorang saksi kanak-kanak setakat yang mengaitkan tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh.

[31] Tertuduh keenam hanya telah dicamkan oleh saksi SP3 sebagai salah seorang yang datang ke bawah pangsapuri tempat beliau ditahan. SP3 bagaimanapun tidak dapat memastikan adakah tertuduh keenam sebagai penunggang atau sebagai pembonceng motosikal tersebut. SP3 mengecam tertuduh kelima sebagai salah seorang lagi yang datang ke sana dengan motosikal. Sekiranya kita meneliti keterangan SP9 yang menangkap dan merampas barang kes daripada tertuduh kelima dimana kunci motosikal Yamaha 125 turut dirampas, maka jelas menunjukkan bahawa tertuduh kelima adalah sebenarnya penunggang motosikal tersebut dan tertuduh

keempat hanyalah sebagai pembonceng. Begitu juga jika diteliti keterangan SP16 yang menyatakan bahawa tertuduh keempat telah mencagarkan motosikalnya BFN 8166 kepada beliau pada tarikh 24 April 2008 maka ini menyokong dapatan mahkamah ini bahawa pada 28 April 2008 SP3 telah melihat motosikal yang ditunggang oleh tertuduh kelima dan dibonceng oleh tertuduh keenam. SP3 hanya melihat tertuduh keenam berada di bawah pangsapuri, masuk dalam lif dan naik ke atas serta masuk ke dalam pangsapuri berkenaan. Selepas itu SP3 langsung tidak lagi melihat tertuduh keenam sehinggalah kawad cam yang diadakan oleh SP14 beberapa hari selepas kejadian. Tertuduh keenam kemudiannya dicamkan oleh SP16 sebagai orang yang datang bersama tertuduh ketujuh untuk menyewa sebuah kereta Proton Wira hitam. Tertuduh keenam kemudiannya ditangkap bersama sepuluh orang yang lain di Bangsar. Semasa ditangkap tertuduh keenam langsung tidak memiliki wang tebusan serta tiada sebarang keterangan atau sebarang nexus antara kereta Wira hitam yang disewa oleh tertuduh ketujuh dengan jenayah penculikan ini. Tidak ada keterangan kukuh untuk menunjukkan bahawa Wira hitam tersebutlah sebagai kenderaan yang telah digunakan untuk menculik SP3. Tambahan lagi keterangan turut dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan bahawa kereta yang menculik SP3 adalah jenis Waja berwarna hitam. Tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh tidak berada ditempat penculikan tersebut sekiranya betul kereta Wira hitam yang disewa oleh tertuduh ketujuh yang telah digunakan untuk menculik SP3. Dalam keterangannya SP3 telah mengecamkan tertuduh kedua, tertuduh ketiga dan juga tertuduh pertama sebagai pemandu kereta hitam yang menculik beliau. Manakala seorang lagi dalam kereta hitam yang turun di pertengahan jalan dikatakan oleh SP3 sebagai 'seorang yang agak tua, berumur lingkungan 45 tahun dan berkepala agak botak'. Diskripsi yang diberikan oleh SP3 mengenai orang keempat ini tidak sepadan dengan diskripsi tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh yang berada dalam kandang tertuduh dalam mahkamah ini.

[32] Saksi SP3 telah mengecamkan tertuduh ketujuh sebagai orang yang telah masuk ke dalam bilik beliau pada petang hari 29 April 2008 dan orang yang mengatakan SP3 akan dibebaskan jika bapa SP3 membayar wang tebusan. Selain itu tertuduh ketujuh berada bersama sepuluh yang lain semasa ditangkap di Bangsar. Tertuduh ketujuh juga dicamkan oleh SP16 sebagai orang yang datang untuk menyewa kereta Proton Wira hitam daripada

beliau. Itu sahaja keterangan yang ada untuk mengaitkan tertuduh ketujuh. Seperti tertuduh keenam, keterangan berkaitan rampasan kereta Wira hitam dan barang kes yang ditemui dalam kereta itu serta yang ditemui pada badan tertuduh ketujuh, tidak dapat mengaitkan tertuduh ketujuh dengan pertuduhan. Beberapa orang berada di luar bilik SP3 ditahan dan tertuduh ketujuh hanya masuk sebentar sahaja ke dalam bilik tersebut. Adalah tidak selamat untuk mensabitkan tertuduh ketujuh dengan pertuduhan hanya beliau masuk ke bilik SP3 berada dan berkata sesuatu kepada SP3.

[33] Keterangan pengecaman oleh SP3 ke atas tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh juga wajar diterima dengan berhati-hati memandangkan SP3 pada masa kejadian hanya berumur 13 tahun dan 15 tahun semasa memberi keterangan. Keterangan SP3 memerlukan sokongan seperti diperuntukkan di bawah s. 133A Akta Keterangan 1950. Prosedur kawad cam yang diadakan oleh Inspektor Nik Rozdi bin Abu Bakar (SP14) untuk tertuduh keenam dan oleh Inspektor Ahmad Nazri bin Yahya @ Yaakub (SP18) untuk tertuduh ketujuh penuh dengan keraguan dan ketidakpatuhan. Oleh itu keputusan kawad cam yang telah diadakan adalah tidak selamat dan tidak boleh diterima. Saksi SP14 dan SP18 mengakui tidak ada mendapatkan diskripsi saspek daripada SP3 sebelum mencari para peserta kawad cam yang mereka jalankan. Apa yang mereka lakukan adalah mendapatkan butir-butir nama dan bangsa saspek serta lingkungan umur mereka daripada Pegawai Penyiasat, ASP Tan Seng Lee (SP19) dan pergi melihat saspek di lokap dan kemudiannya terus pergi mencari para peserta kawad cam. SP14 setuju ada peserta kawad cam yang berumur 51 tahun dan yang berumur 43 tahun walaupun tertuduh keenam hanya berumur 20 tahun. SP14 juga mengakui ada peserta yang berjambang, bermisai dan berjanggut serta yang memakai cermin mata sedangkan tertuduh keenam hanya bermisai, tiada berjambang dan berjanggut serta tidak memakai cermin mata. Saksi SP18 juga bersetuju beberapa aspek para peserta kawad cam tidak sama dengan tertuduh ketujuh terutama dari segi umur, bentuk fizikal, potongan rambut, serta mata tertuduh ketujuh yang sepet dan berjanggut. Tiada seorangpun peserta yang berjanggut seperti tertuduh ketujuh. Ada peserta berbadan besar sedangkan tertuduh ketujuh berbadan kurus kering. Selain dari perkara-perkara tersebut di atas, satu lagi aspek yang mahkamah ini ambil perhatian adalah terdapat lebih kurang sepuluh kawad cam telah diadakan pada hari yang sama iaitu pada 5 Mei 2008 yang melibatkan 11 tangkapan

serta empat orang saksi yang sama dan yang lebih ketara adalah turut melibatkan para perserta yang sama. Beberapa orang peserta kawad cam telah menyertai kawad cam berulang kali terhadap saspek-saspek yang berbeza walaupun melibatkan saksi-saksi yang sama.

[34] Prinsip undang-undang mengenai pengendalian kawad cam telah dijelaskan oleh Lord Widgery CJ dalam kes *R v. Turnbull & Ors* [1976] 3 All ER 539 seperti berikut:

> First, whenever the case against an accused depends wholly or substantially on the correctness of one or more identifications of the accused which the defence alleges to be mistaken, the judge should warn the jury of the special need for caution before convicting the accused in reliance on the correctness of the identification or identifications. In addition he should instruct them as to the reason for the need for such warning and should make some reference to the possibility that a mistaken witness can be a convincing one and that a number of such witnesses can all be mistaken. Provided this is done in clear terms the judge need not use any particular form of words.
>
> Secondly, the judge should direct the jury to examine closely the circumstances in which the identification by each witness came to be made. How long did the witness have the accused under observation? At what distance? In what light? Was the observation impeded in any way, as for example by passing traffic or a press of people? Had the witness ever seen the accused before? How often? If only occasionally, had he any special reason for remembering the accused? How long elapsed between the original observation and the subsequent identification to the police? Was there any material discrepancy between the description of the accused given to the police by the witness when first seen by them and his actual appearance? If in any case, whether it is being dealt with summarily or on indictment, the prosecution has reason to believe that there is such a material discrepancy they should supply the accused or his legal advisers with particulars of the description the police were first given. In all cases if the accused asks to be given particulars of such descriptions, the prosecution should supply them. Finally, he should remind the jury of any specific weaknesses which had appeared in the identification evidence. Recognition may be more reliable than identification of a stranger; but, even when the witness is purporting to recognize someone whom he knows, the jury should be reminded that mistakes in recognition of close relatives and friends are sometimes made.

[35] Setelah menimbang keterangan saksi-saksi SP14 dan SP18 mengenai kawad cam yang telah diadakan, saya mendapati kawad cam yang telah diadakan adalah cacat, tidak teratur dan tidak adil dan dengan itu pengecaman oleh saksi-saksi SP3 dan SP5 ke atas tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh dalam kes ini tidak boleh diterima atas alasan-alasan yang saya sebutkan diatas. Menurut laporan kawad cam yang disediakan oleh SP14 dan SP18, semua peserta kawad cam adalah dari kaum India yang berumur antara 16 tahun hingga 51 tahun, tidak dalam lingkungan umur yang sama seperti tertuduh-tertuduh yang muda masa kawad cam dijalankan berumur 20 dan 23 tahun. Terdapat jurang perbezaan umur yang ketara antara tertuduh-tertuduh dengan peserta-peserta kawad cam (lihat *PP v. Pasupathy Kanagasaby* [2001] 2 CLJ 753). Saksi SP14 dan SP18 serta Laporan Kawad Cam tidak menyatakan dengan jelas pakaian dan bentuk tubuh badan peserta kawad cam dan tertuduh-tertuduh pada waktu itu berpakaian jauh berbeza dengan para peserta kawad cam. Saksi SP3 teragak-agak semasa membuat pengecaman memandangkan SP3 hanya melihat tertuduh keenam sepintas lalu sahaja oleh kerana menurut beliau tertuduh keenam ada memakai helmet dan masuk ke dalam lif tidak menghadap muka beliau. Tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh merupakan orang asing dan tidak pernah dikenali oleh SP3 sebelum kejadian. Tiada keterangan menunjukkan bahawa SP3, SP10 dan SP5 ada memberikan diskripsi tertuduh-tertuduh terlebih dahulu sebelum kawad cam diadakan (lihat *Jaafar bin Ali v. PP* [1999] 1 CLJ 410).

[36] Setelah pengecaman melalui kawad cam ditolak, isu seterusnya sama ada pengecaman secara 'dock identification' boleh diterima oleh mahkamah. Penerimaan keterangan mengenai pengecaman tertuduh-tertuduh di dalam kandang tertuduh adalah 'undesirable' seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Arumugam Muthusamy v. PP* [1998] 3 CLJ 597. Walau bagaimanapun tidak semestinya setelah keterangan mengenai pengecaman kawad cam ditolak, pengecaman 'dock identification' juga wajar ditolak (lihat *Prabah Sinnathamby v. PP* [2010] 2 CLJ 690). Pengecaman 'dock identification' masih boleh diterima dalam keadaan-keadaan tertentu (lihat *Ong Poh Cheng v. PP* [1998] 4 CLJ 1). Pengecaman dalam mahkamah selepas saksi-saksi yang sama membuat pengecaman dalam kawad cam adalah menjadi tidak bermakna (meaningless).

[37] Dalam kes *PP v. Richard Devadasan Sabariah* [2004] 4 CLJ 367, Alauddin Mohd Sheriff JCA (sekarang PMR) telah merujuk kepada *Sarkar on Evidence* (15th edn) sebagai panduan mengenai pengecaman tertuduh dalam mahkamah seperti berikut:

> It must be conceded by all that in this appeal the most vital issue to be considered is the identification of the respondent. Was he the person who caused the death of the deceased?
>
> *Sarkar on Evidence* (15th edn) at p. 231 had this to say:
>
> Identification in Court. The law is well settled that identification of an accused in court is the substantive evidence of the person identifying and his earlier identification in a T.I. parade corroborates the same. In other words, want of evidence of earlier identification in a T.I. parade not affect the admissibility of the evidence of identification in court (*George v. State of Kerala* [1998] Cri 2034 at 2042; [1998] 1 Scale 411 (SC). Mere evidence of identification for the first time in court is not sufficient to sustain the conviction of the accused (*Ramzan v. State of Maharashtra* [1998] Cri LJ 3547, 3548 (Bom). No conviction can be based on identification for the first time in court and that too by a solitary witness. (*Robert Peter Kadam v. State of Maharashtra* [1998] Cri LJ 3879, 3881 (Bom).
>
> Where there was clear evidence to show that the accused persons were shown to the witnesses, the identification of such accused by the witnesses in the court was held to be meaningless (*Shaikh Umar Ahmad Sheikh v. State of Maharashtra* [1998] Cri LJ 25534 (SC).
>
> Where there was no other evidence against the accused except identification, the court said that there is need for caution in a case where the evidence depended solely on identification evidence.

[38] Mengenai isu keterangan sokongan terhadap keterangan SP3 terhadap identiti tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh, Saksi SP3 walaupun memberikan keterangan secara bersumpah namun prinsip undang-undang asas bahawa keterangan seorang saksi kanak-kanak sama ada diberi secara bersumpah atau tidak perlu kepada keterangan sokongan dari unsur-unsur yang bebas. SP3 berumur hampir 13 tahun waktu kejadian dan hampir 15 tahun masa memberi keterangan. Dalam pengendalian keterangan saksi kanak-kanak, Mahkamah Rayuan dalam kes *Chao Chong & Ors v. PP* [1959] 1 LNS 11 telah memutuskan:

A The evidence of a child must be regarded with suspicion because it is a matter of common knowledge that children at times find it difficult to distinguish between reality and fantasy. They find it difficult after lapse of time to distinguish between the results of observation and the results of imagination. Juries should be invited to consider their own experience in connection with stories told by children. It is not sound rule of practice not to act on the uncorroborated evidence of a child, whether swoprn or unsworn, but this is a rule of prudence and not of law.

[39] Mengenai isu yang sama, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Loo Chuan Huat v. PP* [1971] 1 LNS 68 menyatakan berikut:

The rule is that the jury must be warned that it is unsafe to act on the evidence of a child unless it is corroborated in material particulars implicating the accused. The leading English case of *Rex v. Baskerville* has often been cited on the meaning of corroboration. We quote the following well-known passage from *Baskerville*'s case (at page 667):

… we hold that evidence in corroboration must be independent testimony which affects the accused by connecting or tending to connect him with the crime. In other words, it must be evidence hich implicates him, that is, which confirms in some material particular not only evidence that a crime has been committed but also that the prisoner committed it. (see also *Tham Kai Yau & Ors. v. PP* [1977] 1 MLJ 174).

[40] Walaupun s. 118 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) memperuntukkan bahawa semua orang adalah layak untuk memberi keterangan termasuklah saksi kanak-kanak tetapi peruntukan tersebut adalah tertakluk di bawah s. 133A Akta Keterangan 1950. Proviso kepada s. 133A tersebut menyatakan bahawa keterangan seorang saksi kanak-kanak yang diterima masuk di bawah seksyen itu tidak boleh digunakan untuk mensabitkan tertuduh melainkan keterangan itu disokong oleh keterangan lain yang mengaitkannya. Keterangan sokongan adalah wajib untuk mensabitkan seseorang tertuduh (lihat *Sidek b. Ludan v. PP* [1995] 1 LNS 219 dan *PP v. Mohd Noor Abdullah* [1992] 1 CLJ 702; [1992] 3 CLJ (Rep) 404).

[41] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah sekarang, adakah keterangan sokongan yang menyokong keterangan SP3. Setelah meneliti keterangan keseluruhan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, tidak terdapat keterangan sokongan terhadap

keterangan SP3 yang mengaitkan tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh dalam kes ini yang berkaitan dengan identiti pelaku yang menculik, menahan dan menghalang SP3 dengan tujuan untuk mendapatkan wang tebusan. Oleh itu adalah tidak selamat untuk mensabitkan tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh sekiranya mereka dipanggil untuk membela diri dan memilih untuk berdiam diri.

[42] Sekarang saya beralih kepada isu terakhir yang berkaitan dengan isu niat bersama. Dalam kes *PP v. Dato' Mokhtar Hashim & Ors* [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ (Rep) 721, Hashim Yeop Sani (ketika itu) telah menyatakan seperti berikut mengenai niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan:

> … thus it is clear that the leading feature of Section 34 of the Penal Code is the element of participation in action. Two preliminary elements are in fact necessary to fulfill the requirements of Section 34. First there must be evidence (direct or by inference) the accused was present at the scene of the crime. Secondly, there must be evidence to show that there was prior concert or prearranged plan involving the accused. This is logical because how can there be participation without physical presence? Even passive participation may require physical presence.

[43] Saksi SP19 telah menjelaskan bahawa pada peringkat awalnya hanya lapan orang telah dipertuduhkan di Mahkamah Majistret di mana pertuduhan asal menyatakan lapan tertuduh bersama seorang yang masih bebas. SP19 menyatakan pada waktu itu seorang yang masih bebas adalah tertuduh kesembilan, Supaya a/l Khathasamy yang kemudiannya ditangkap pada 12 Mei 2008. Setelah sembilan orang tertuduh dihadapkan ke mahkamah ini, SP19 menyatakan seorang yang masih bebas adalah seorang warganegara India bernama Panjavarnam Ram Kumar. Nombor telefon 014-3229774 yang digunakan untuk memanggil SP5 bagi meminta wang tebusan adalah didaftarkan atas nama penama ini. Penama ini telah disahkan oleh pihak Imigresen telah keluar daripada Malaysia pada 4 September 2007 (P83) dan tidak ada rekod kemasukan semula ke Malaysia. Jika ini benar maka penama ini tidak berada di Malaysia pada masa kejadian berlaku iaitu pada 28-29 April 2008 sedangkan sim card bagi nombor 014-3329774 ditemui dalam pangsapuri milik tertuduh keempat. Oleh itu bagaimanakah dipertuduhkan tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh bersama tujuh lagi tertuduh mempunyai niat bersama

dengan seorang yang masih bebas sedangkan orang yang masih bebas itu berada di India atau tidak berada di Malaysia pada masa kesalahan dilakukan.

[44] Dalam kes *Asdanusi Daut & Anor v. PP* [2004] 3 CLJ 669, Gopal Sri Ram JCA (ketika itu) telah menghuraikan mengenai niat bersama serta beban pembuktian oleh pihak pendakwaan mengenainya, seperti berikut:

> As both appellants were charged with having committed the offence with common intention, it was incumbent on the prosecution to establish that ingredient. As to what amounts to common intention, Augustine Paul J in *Public Prosecutor v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814; [2002] 3 MLJ 401 said:
>
> > It is essential that the participants have some knowledge that an act may be committed which is consistent with or would be in furtherance of the common intention. The prosecution must establish that there was a prearranged plan to commit a criminal act and the crime forming the subject matter of the charge was done in concert pursuant to that prearranged plan (see *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101, *Ong Chee Hoe & Anor v. PP* [1999] 4 SLR 688). It is difficult to prove common intention by direct evidence. It is usually inferred from the facts of a particular case.
>
> In *PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814; [2002] 3 MLJ 401, the same learned judge said:
>
> > The law that I have discussed shows that in order to establish that the accused persons acted with common intention, the prosecution must show that there is a link between them with regard to the cannabis that was recovered.

[45] Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, pihak pendakwaan telah gagal untuk menunjukkan sebarang bukti tentang wujudnya niat bersama di antara 11 penjenayah untuk melakukan kesalahan seperti pertuduhan. Tiada keterangan yang boleh mahkamah ini membuat satu inferens yang munasabah bahawa tertuduh keenam tertuduh ketujuh bersama-sama dengan Panjavarnam Ram Kumar mempunyai niat bersama bagi melakukan kesalahan culik yang dipertuduhkan.

Konklusi

[46] Setelah membuat penilaian yang maksima ke atas keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan, saya mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh keenam dan tertuduh ketujuh atas pertuduhan yang dihadapkan. Saya mendapati tidak selamat untuk memanggil tertuduh keenam, tertuduh ketujuh, tertuduh kelapan dan tertuduh kesembilan untuk membela diri memandangkan mahkamah ini tidak bersedia untuk mensabitkan mereka dengan pertuduhan sekiranya pembelaan mereka dipanggil mereka memilih untuk berdiam diri. Oleh itu empat tertuduh dalam kes ini dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri.